

1086- SEJARAH DAN PERANAN AGENSI-AGENSI DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) DALAM MEMPERKASA EKONOMI DAN KEBAJIKAN UMMAT ISLAM DI MALAYSIA

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)

hammad@kuis.edu.my

ABSTRAK

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad (Yayasan Taqwa), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan Lembaga Tabung Haji (LTH) adalah agensi yang mempunyai peranan besar dalam membantu memperkasa ekonomi dan kebajikan ummat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Setiap agensi tersebut mempunyai latar belakang dan peranan yang khusus dalam penubuhannya. Dapatan awal kajian mendapati bahawa agensi-agensi tersebut telah berkembang pesat dan berperanan besar dalam memperkasa ekonomi ummat Islam. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa masih ramai di kalangan masyarakat tidak mengenal dan memahami peranan secara khusus setiap agensi yang berkenaan yang terlibat langsung dalam melonjakkan ekonomi masyarakat Islam secara makro dan mikro di Malaysia. Ini berlaku kerana sejarah dan peranan penubuhan agensi-agensi tersebut tidak dipromosi dan dijelaskan secara meluas kepada masyarakat umum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejarah dan peranan setiap agensi tersebut yang diselenggarakan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) agar dapat dijelaskan kepada masyarakat umum. Adalah diharapkan segala usaha dan peranan setiap agensi tersebut dapat dipertingkatkan keupayaan dalam membantu pemerikasaan ekonomi umat Islam keseluruhannya.

Kata Kunci: *Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad (Yayasan Taqwa), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Lembaga Tabung Haji (LTH), Ekonomi Islam, Kebajikan.*

PENDAHULUAN

Umumnya, Islam adalah satu agama yang meliputi seluruh aspek. Umat Islam diperintahkan supaya menjalani kehidupan sesuai dengan aturan yang ditetapkan syariah bagi menjamin kejayaan dunia dan akhirat. Tuntutan tersebut termasuk dari aspek sistem ekonomi. Oleh sebab itu, setiap perkara yang dijalankan dan dilaksanakan untuk menjamin ekonomi dan kebajikan umat Islam hendaklah berteraskan dengan prinsip syariah.

Dalam menjamin perkara tersebut, pelbagai agensi dan institusi telah diwujudkan oleh pihak kerajaan bagi membantu dan memastikan rakyat khususnya umat Islam sebagai pengguna dan rakyat terutamanya umat Islam dapat menggunakan produk kewangan yang lebih tulus di mana ia menjamin daripada elemen-elemen yang tidak dibenarkan dalam Islam seperti riba, gharar di samping terjamin kebajikannya. Institusi kewangan Islam yang wujud pada hari ini mampu menawarkan alternatif sistem ekonomi yang lebih baik dan sistematik. Melalui institusi kewangan yang ada juga mampu membentuk Masyarakat Islam dengan memberikan pendedahan agar tidak bercampur dan keliru dengan konsep ekonomi barat yang lebih mementingkan keuntungan dan keduniaan semata-mata.

Namun begitu, terdapat empat agensi di bawah penyeliaan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang dikhususkan bagi membantu memperkasakan ekonomi umat Islam berdasarkan fungsi dan peranan telah dikhususkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Fokus utama penulisan artikel ini adalah untuk membincangkan sejarah dan peranan empat agensi Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang mana secara umumnya berperanan untuk membantu meningkatkan ekonomi dan kebajikan umat Islam di Malaysia. Kajian ini melibatkan sorotan kajian lepas dan penganalisisan data sekunder yang meliputi dokumen, hasil kajian dan penulisan bagi menghasilkan penulisan artikel ini. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara terperinci menggunakan teknik analisis kandungan.

SOROTAN KAJIAN

Di dalam Soal Jawab Ekonomi Islam (2015) yang dikeluarkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyatakan bahawa ekonomi Islam merupakan sistem ekonomi yang mengimbangi antara keperluan kebendaan dan keperluan rohani berpandukan Al-Qur'an dan Al-Hadis. Ekonomi Islam mempunyai sistem yang teratur, seimbang dan memberikan kebaikan kepada sesama manusia. Matlamat sistem ekonomi Islam adalah mencari keredhaan Allah SWT yang mana ia mementingkan aspek kebajikan, keadilan, keseimbangan, kebebasan individu dengan masalah awam dan soal agama dengan perkara-perkara keduniaan.

Menurut Azila Abdul Razak et al (2013), ekonomi dan kewangan Islam mula dibangunkan di Malaysia pada tahun 1940- an sebagai alternatif pembiayaan kepada sistem kapitalis dan sosialis Antara institusi kewangan Islam awal yang ditubuhkan di Malaysia ialah Lembaga Tabung Haji iaitu pada November 1962. Menurut kajian tersebut juga, sepanjang 50 tahun ini, pelbagai produk kewangan Islam yang telah dikeluarkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. (Azila Abdul Razak et al, 2013)

Azila et al (2014) juga menyatakan bahawa disebabkan sambutan Masyarakat yang menggalakkan terhadap skim ar Rahnu, makai a telah mendorong YaPEIM untuk membuat Kerjasama dengan Bank Islam Berhad dan Bank Pertanian Malaysia Berhad. Dan pada 2000, YaPEIM juga akhirnya telah menubuhkan Ar Rahnu YaPEIM sendiri yang mana telah menawarkan skim ar rahnu.

Menurut Wan Naimah Wan Daud et al (2021), YaPEIM adalah salah satu institusi yang melaksanakan ar rahnu. YaPEIM memulakan operasinya melalui Koperasi YaPIEM Berhad pada 15 September 2000 dengan objektif penubuhan untuk membantu umat Islam yang kurang berkemampuan dan menawarkan pembiayaan hutang berasaskan cagaran yang bebas dari transaksi riba. Menurut kajian tersebut, pelaksanaan ar rahnu adalah berbeza mengikut institusi. Bagi Ar Rahnu YaPEIM, sumber modal adalah daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia yang mana ianya lebih terhad kadar pembiayaannya. Malah YaPIEM dilihat lebih mesra dan berorientasikan pelanggan kerana kadar upah yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding beberapa institusi Ar-Rahnu yang lain.

Seterusnya bagi sumber ekonomi Islam wakaf pula, menurut Asmak Ab Rahman (2009), wakaf adalah satu ibadat yang digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi secara langsung. Menurut beliau lagi, untuk membantu urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Manakala, pelancaran rasmi JAWHAR pula telah disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan JAWHAR ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara lebih sistematik, tersusun dan berkesan.

Dalam pada itu, artikel daripada Berita Harian (2018) menyatakan bahawa Lembaga Tabung Haji adalah merupakan perintis dalam institusi kewangan Islam bagi memudahkan umat Islam menyimpan untuk tujuan mengerjakan Haji. TH telah mengukuhkan kedudukannya di pasaran, baik di dalam Negara dan di arena antarabangsa dengan menceburi bidang pelaburan di beberapa sektor seperti perladangan di Indonesia, kewangan Islam, teknologi maklumat, minyak dan gas, hospitaliti, pelaburan hartanah dan pembinaan di United Kingdom dan Australia.

Joni Tamkin Borhan et al (2005) pula menyatakan bahawa Tabung Haji adalah sebuah badan separuh kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Struktur organisasinya mencerminkan badan autonomi sepenuhnya yang mampu melaksanakan kuasa berkanun dan dasar eksekutifnya untuk faedah pen depositnya. Pihak berkuasa tertingginya, lembaga pengarah diberi kuasa di bawah Akta Tabung Haii untuk menggubal dasar dan melaksanakan program demi kepentingan organisasi dan pen depositnya. Kuasa tambahan juga diberikan untuk mentadbir dana dan semua perkara lain yang berkaitan dengan kebajikan jemaah haji.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Agensi kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) secara umumnya memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan sama ada ekonomi mahupun sosioekonomi umat Islam di Malaysia. Oleh sebab itu, pihak Kerajaan telah memainkan peranan yang proaktif dalam menubuhkan agensi-agensi yang ada.

Berikut adalah merupakan empat agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

YaPEIM adalah merupakan yayasan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976. Ia telah diperbadankan di bawah *Trustees (Incorporation) Act 1952*. Yayasan tersebut kemudian mengalami penstrukturan semula dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh Y.A. B Perdana Menteri pada masa itu iaitu Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad. Penubuhan YaPEIM adalah merupakan satu inisiatif daripada cadangan dan idea umat Islam yang menginginkan satu institusi yang boleh menjaga kebajikan dan mengatasi masalah umat Islam pada masa akan datang. (Anisah Nasib, 2017) Ia pada mulanya diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kemudian diambil alih oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

YaPEIM ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah melalui Surat Ikatan Amanah YaPEIM. Misi Yayasan tersebut adalah untuk terus komited dalam memperkasa ekonomi ummah. Ia adalah satu institusi yang berpotensi untuk menawarkan pembiayaan kepada seluruh lapisan masyarakat daripada golongan yang berpendapatan rendah sehingga kepada mereka yang berpendapatan tinggi. (Azila Abdul Razak et al, 2013) YaPEIM membiayai sendiri kewangannya. (Wan Naimah Wan Daud et al, 2021) Dua objektif utama YaPEIM adalah pertama dalam aspek sosial bisnes dan kedua pembangunan sosioekonomi dan amal jariah. Bagi aspek utama, YaPEIM berperanan dalam pelaksanaan program sosial bisnes yang mana akan memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ia dilaksanakan melalui penyediaan kemudahan pembiayaan mikro kredit, platform dan sokongan dalam pembangunan usahawan. Selain itu YaPEIM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti bisnes yang mampu mendapatkan keuntungan kepada institusi.

Bagi objektif kedua pula, YaPEIM berperanan untuk membudaya dan menyediakan prasarana yang mudah dan diyakini untuk masyarakat beramal jariah. Institusi tersebut juga perlu memastikan sumbangan amal jariah disampaikan kepada benefisiari dengan pendekatan yang telus dan afektif serta bermanfaat. Umpamanya, YaPEIM telah bekerjasama dengan Majlis Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk memperuntukkan RM3 juta kepada golongan asnaf bagi membantu mereka menempuhi cabaran pandemic COVID-19 pada tahun 2021. (Astro Awani, 2021) Selain itu juga, YaPEIM juga turut memperuntukkan sumbangan makan yang bernilai RM5.17 juta kepada golongan B40 seluruh negara pada tahun 2020. (Astro Awani, 2020) Oleh sebab itu, sehingga hari ini, YaPEIM telah meneruskan usaha bagi memantapkan dan memajukan kedudukannya demi meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam di Malaysia.

Di bawah YaPEIM terdapat skim ar rahnu yang merupakan strategi utama dengan nama “Program Mikro Kredit Ar Rahnu”. Melalui skim ini YaPEIM telah bertindak sebagai pengeluar dana utama dan penyelaras sistem, latihan dan promosi. Skim yang dilancarkan tersebut adalah satu instrumen dalam menangani masalah kemiskinan melalui keupayaan melaksanakan perancangan menambah pendapatan. (Anisah Nasib, 2017) YaPEIM sangat komited dalam menjalankan skim ar rahnu. Ini terbukti apabila sehingga tahun 2014, cawangan ar Rahnu YaPEIM telah bertambah sehingga 202 cawangan. (Anisah Nasib, 2017)

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad (Yayasan Taqwa)

Yayasan Taqwa merupakan satu Yayasan yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ia merupakan satu yayasan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 20 November 1990 oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Ini bermakna, Yayasan Taqwa ditubuhkan dengan prinsip liabiliti ahli-ahli adalah terhad dengan amaun yang dinyatakan dalam memorandum yang mana ahli-ahli berkenaan akan menyumbang amaun tersebut kepada aset syarikat jika syarikat dibubarkan di kemudian hari. Ia juga boleh memastikan Yayasan Taqwa yang ditubuhkan tidak digunakan bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang, memudaratkan serta berlawanan dengan keamanan, kebajikan keselamatan negara dan kepentingan awam.

Dalam pada itu, pada 12 Februari 2008, Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah telah meluluskan supaya perkataan “BERHAD” pada Yayasan Taqwa digugurkan. Dengan kelulusan yang diberikan, ia membolehkan Yayasan Taqwa memohon kelulusan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Permohonan pengguguran perkataan tersebut dibuat supaya pelepasan cukai kepada penderma Yayasan sama ada organisasi atau individu dapat diberikan. Permohonan tersebut akhirnya diluluskan pada 12 Jun 2008 yang mana Yayasan telah dinamakan sebagai Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, permohonan kelulusan tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memandangkan Yayasan Taqwa hakikatnya merupakan milikan penuh MAIWP di mana MAIWP sendiri telah diberikan pelepasan cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Menerusi penubuhan Yayasan Taqwa, terdapat lima peranan utama Yayasan tersebut. Pertama ialah memperkukuhkan agihan dana kebajikan iaitu zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan ummah melalui program dan aktiviti yang berbentuk pendidikan, dakwah dan kebajikan di luar Wilayah Persekutuan. Ini bermaksud, dana yang diagihkan adalah dikhususkan untuk aktiviti tersebut selain aktiviti di Wilayah Persekutuan. Sebagai contoh, pada 9 September 2023, Yayasan Taqwa telah menyalurkan sumbangan kepada ahli keluarga mangsa kemalangan 6 keluarga di Kuantan. Seterusnya, ia juga berperanan untuk melahirkan tahap pemikiran ummah minda kelas pertama. Ketiga mengukuhkan jalinan kerjasama antara jabatan atau agensi Kerajaan dengan agensi swasta, NGO dan persatuan. Yayasan Taqwa juga berperanan untuk mempertimbangkan keberkesanan pelaksanaan program dan aktiviti yang bersifat kebajikan Umat Islam. Selain itu Yayasan tersebut juga bertanggungjawab memperkasakan semangat dan pertubuhan sukarelawan melalui program dan aktiviti kemasyarakatan. Dan akhir sekali ia turut bertindak sebagai agen untuk mempromosikan MAIWP dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dalam memastikan hasil kutipan sentiasa bertambah.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia Malaysia (YWM) telah ditubuhkan lebih dari 15 tahun yang lalu iaitu pada 23 Julai 2008. Merupakan satu entity wakaf kebangsaan, YWM diwujudkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ia diwujudkan kesan daripada kesedaran kerajaan tentang kepentingan harta wakaf di dalam Pembangunan ekonomi negara. (Sanep Ahmad et al, 2011)

Di bawah YWM, peruntukan undang-undang yang terpakai adalah berdasarkan enakmen-enakmen wakaf yang ada di Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan mana-mana undang-undang Malaysia yang berkaitan. Ini kerana Majlis Agama Islam Negeri adalah merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf, sepertimana yang dinyatakan di dalam enakmen dan akta Islam negeri-negeri. Lembaga Pemegang Amanah YWM dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Menteri (Hal Ehwal Agama) manakala ahli Lembaga yang lain terdiri daripada wakil Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri, agensi Kerajaan dan juga tokoh korporat.

YWM diwujudkan dengan tujuan untuk menyelaras dan menggalakkan Pembangunan harta wakaf dengan lebih sistematik bagi seluruh negara dan menjana potensi ekonomi yang tinggi

untuk manfaat masyarakat. Ia juga ditubuhkan untuk mengemblem sumber wakaf menerusi kerjasama yang harmoni dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) (Farhana Mohamad Suhaimi et al, 2021) Ia juga berfungsi sebagai pelengkap pentadbiran wakaf di Malaysia. (Sanep Ahmad et al, 2011) Yayasan tersebut berperanan untuk mengumpul dana wakaf untuk dijadikan modal ekonomi umat Islam melalui program-program yang dijalankan. Sebagai contoh, pada tahun 2021, kutipan keseluruhan wakaf tunai pada tahun 2021 yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM6,063, 111.13 (Laporan Yayasan Waqaf Malaysia, 2021) YWM juga berperanan untuk menjadi penghubung dan pusata rujukan mengenai wakaf bagi pihak dalam dan luar negara dan pihak-pihak yang ingin melaksanakan wakaf di Malaysia (Laporan Yayasan Waqaf Malaysia, 2021).

Ia juga bekerjasama dengan pihak seperti MAIN, Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta bagi membangunkan harta wakaf dan membuat kajian berkaitan produk baru wakaf. Antara produk wakaf yang telah ada adalah Tabung Cakna Armalah, Sijil Wakaf Tunai Kesihatan, Wakaf Tunai Pendidikan YWM (PINTA) dan Program i-Tekad CIMB Islamic Entrepreneur. (Laporan Yayasan Waqaf Malaysia, 2021) YWM turut menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam memastikan fungsi utamanya untuk membantu memperkasakan ekonomi umat Islam. Umpamanya, melalui Dana Wakaf Bencana, YWM telah bekerjasama dengan Kenanga Investors Berhad dan MATCH Foundation. Melalui program ini, pelabur yang melanggan dana Unit Amanah Islamik yang mempunyai elemen wakaf terbitan Kenanga Investors Berhad akan memberikan persetujuan awal untuk mewakafkan sebahagian pendapatan tahunan pelabur ke tabung Dana Wakaf Bencana.

Dalam memperkasakan ekonomi umat Islam, Yayasan ini turut merangka aktiviti atau program kebajikan sosial kepada ummah seperti program biasiswa, bantuan kepada fakir miskin dan melaksanakan Amanah pewakaf yang ada. YWM juga bertanggungjawab untuk membuat pelaburan menggunakan dana YWM dan Wakaf Tunai yang ada, dengan syarat pelaburan tersebut adalah dibenarkan syarak, sehingga pengagihan dilakukan. Dalam hal ini anak Syarikat di bawah YWM iaitu Perbadanan Wakaf Nasional Berhad telah ditubuhkan sebagai *investment arm* dalam melaksanakan Pembangunan hartanah wakaf di seluruh negara. Terakhirnya, ia juga berperanan untuk mempromosi dan menganjurkan pelbagai program, persidangan dan seminar serta menerbitkan risalah yang menjamin perkembangan objektif penubuhan YWM. Contoh, program taklimat wakaf tunai kepada agensi Kerajaan seperti Jabatan Pendakwaan Syariah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (Laporan Wakaf Malaysia, 2021). Setiap peranan dan fungsi YWM ini dijalankan oleh bahagian-bahagian yang diwujudkan dalam YWM seperti Bahagian Dasar dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Dana, Bahagian Pemasaran dan Korporat, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan.

Dalam pada itu, Kerajaan amat mengambil serius dengan penubuhan YWM di mana antaranya melalui Rancangan Malaysia ke-9, sebanyak RM4.5 juta peruntukan telah diberikan oleh Kerajaan bagi projek entity wakaf kebangsaan yang mana merupakan geran pelancaran kepada YWM. Selain itu, melalui peruntukan bajet 2020 juga, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu telah meluluskan peruntukan awal iaitu sebanyak RM20 juta bagi program Pembangunan harta wakaf melalui YWM. (Sanep Ahmad et al, 2011)

Lembaga Tabung Haji (TH)

Lembaga Tabung Haji ditubuhkan atas dasar kesedaran bahawa pada masa itu, tidak wujud satu institusi kewangan Islam yang boleh memberikan perkhidmatan kewangan yang patuh syariah kepada umat Islam. Sebelum TH ditubuhkan, tidak ada satu institusi yang boleh membantu umat Islam untuk menyimpan wang bagi menampung kos perbelanjaan menunaikan haji. Walaupun pada awalnya tidak dinafikan bahawa telah wujud bank konvensional, namun umat Islam enggan menabung di bank tersebut kerana mahu memastikan simpanan bebas daripada unsur-unsur yang dilarang dalam kewangan Islam seperti riba. Ini bagi memastikan bahawa ibadah haji yang bakal ditunaikan tidak diperolehi dari unsur yang haram.

Sejarah penubuhan Lembaga Tabung Haji boleh dibahagikan kepada dua peringkat. (Joni Tamkin Borhan et al, 2005) Pertama adalah penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH). Idea penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) terhasil hasil cadangan daripada seorang tokoh ekonomi Melayu iaitu Profesor DiRaja Ungku Aziz Bin Ungku Abdul Hamid pada Disember 1959. Beliau telah menghantar satu memorandum kepada pihak Kerajaan yang bertajuk, “Pelan untuk Meningkatkan Kedudukan Ekonomi Jemaah Haji Pada Masa Hadapan”. Walaupun begitu, pada masa itu, idea yang diberikan tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan memandangkan Kerajaan tidak dapat menyelesaikan isu berkaitan riba. (Joni Tamkin Borhan et al, 2005) Namun ia akhirnya dapat dilaksanakan apabila mendapat cadangan daripada Sheikh Mahmoud al-Shaltut, Rektor Universiti Al-Azhar yang mengkaji plan tersebut dan mendapati bahawa ia boleh menjadi satu institusi yang bebas dari riba. Beliau turut mendapati bahawa idea yang dikemukakan amat baik dan mencadangkan ia dilaksanakan secepatnya.

Penubuhan PWSBH pada awalnya dibuat di bawah Undang-undang No. 34, 1962 pada 1963 yang mana PWSBH telah diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada 30 September 1963, PWSBH telah menerima tabungan daripada bakal haji, selaras dengan objektif utama penubuhannya. Bermula saat itu, umat Islam telah dididik untuk membuat simpanan seawal usia yang muda dengan institusi patut syariah sebagai satu cara mempersiapkan diri untuk menunaikan haji. Pada ketika ia mula beroperasi, seramai 1282 bakal haji telah membuka akaun dengan jumlah tabungan sebanyak RM46,610.

Seterusnya, Sejarah penubuhan peringkat kedua pula berlaku disebabkan oleh penggabungan antara Perbadanan Simpanan Haji yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Pejabat Hal Ehwal Haji yang telah beroperasi sejak 1952 di Pulau Pinang. (Joni Tamkin Borhan et al, 2005) Penggabungan tersebut adalah bagi memantapkan lagi peranannya dan memudahkan penyelarasan aktiviti penabungan serta pengurusan haji. Badan yang digabungkan ini dinamakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), yang kemudiannya ditukar kepada Lembaga Tabung Haji pada 1995. (Malik Ridhwan, 2018) TH adalah satu institusi kewangan utama di Malaysia. (BHarian, 2018) TH mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam deposit, perkhidmatan dan operasi haji dan pelaburan dana. Lembaga Tabung Haji adalah satu badan berkanun yang tertakhluk di bawah Akta Tabung Haji 1995.

Penubuhan TH adalah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan paling memuaskan kepada Jemaah Haji Malaysia dalam hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan haji dan untuk memberi pulangan pelaburan maksimum kepada pendeposit atas simpanan mereka. (Joni Tamkin Borhan et al, 2005)

Perbandingan Sejarah dan Peranan Agensi

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dikenalpasti beberapa aspek yang menjadi persamaan dan perbezaan di antara keempat-empat agensi tersebut.

Secara umumnya dari sudut urus tadbir, keempat-empat agensi tersebut dikawal selia di peringkat persekutuan secara langsung dan tidak langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Secara khususnya Yapeim, Yayasan adalah salah satu agensi rasmi di bawah selian terus Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), manakala Yayasan Taqwa adalah agensi di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MWAIP) yang juga merupakan salah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Jadual 1 di bawah menunjukkan perbezaan agensi tersebut berdasarkan dari tiga aspek iaitu, tahun penubuhan, peruntukan perundangan serta peranan.

Jadual 1: Perbezaan Agensi Berdasarkan Sejarah dan Peranan Penubuhan

Institusi/ Elemen	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad (Yayasan Taqwa)	Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)	Lembaga Tabung Haji
Tahun Penubuhan	1976	1990	2008	1969
Peruntukan perundangan	Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952	Akta Syarikat 1965	Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952	Akta Tabung Haji 1995
Ditubuhkan / Dibadankan	Kerajaan Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri)	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	Kerajaan Persekutuan
Peranan	<ul style="list-style-type: none"> - menyediakan kemudahan insentif atau bantuan pembiayaan kepada usahawan dalam menjalankan aktiviti keusahawanan - berperanan untuk membudaya dan menyediakan prasarana yang mudah dan diyakini untuk masyarakat beramal jariah 	<ul style="list-style-type: none"> - memperkukuhkan agihan dana kebajikan iaitu zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan ummah di luar Wilayah Persekutuan - melahirkan tahap pemikiran ummah minda kelas pertama - mengukuhkan jalinan 	menyelaras dan menggalakkan Pembangunan harta wakaf dengan lebih sistematik bagi seluruh negara dan menjana potensi ekonomi yang tinggi untuk manfaat masyarakat	membantu umat Islam untuk membuat simpanan peribadi bagi menyediakan dan memastikan simpanan umat Islam bebas dari sumber riba dan membantu umat Islam menunaikan Haji menggunakan simpanan yang ada

		<p>kerjasama antara jabatan atau agensi Kerajaan dengan agensi swasta, NGO dan persatuan</p> <ul style="list-style-type: none"> - bertanggungjawab memperkasakan semangat dan pertubuhan sukarelawan melalui program dan aktiviti kemasyarakatan. - bertindak sebagai agen untuk mempromosikan MAIWP dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) 		
--	--	---	--	--

PENUTUP

Secara kesimpulannya, tidak dapat disangkal lagi bahawa bidang ekonomi adalah satu bidang yang kompleks dan boleh berubah mengikut perubahan zaman. Namun, pada hari ini, bagi umat Islam sendiri ia adalah satu cabaran untuk memastikan bahawa setiap produk yang digunakan dalam meningkatkan taraf ekonomi kehidupan adalah bebas dari elemen yang dilarang di dalam Islam dan secara langsung menjaga kebajikan Umat Islam.

Oleh sebab itu, dengan penubuhan agensi-agensi yang berasaskan untuk memperkasa ekonomi dan umat Islam yang wujud pada hari ini telah Berjaya membantu umat Islam meningkat ekonomi malah dapat memberi keyakinan kepada pengguna, terutamanya muslim dalam menggunakan produk yang disediakan melalui agensi seperti Yapeim dan TabungHaji. Di samping itu juga, menerusi institusi agensi lain seperti Yayasan Taqwa dan Yayasan Waqaf Malaysia yang mengkhususkan memperkasa kebajikan ummat Islam, ia boleh membuka jalan kepada umat Islam untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam secara menyeluruh. Walaupun begitu, bagi memastikan objektif penubuhan institusi kewangan Islam ini tercapai, Masyarakat Islam perlu lebih peka dan cakna dengan kewujudan dan peranan agensi-agensi tersebut seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Yayasan Waqaf Malaysia Malaysia (YWM) dan Lembaga Tabung Haji (TH).

Masyarakat Muslim perlu menyedari bahawa agensi-agensi tersesbut yang telah wujud ini hakikatnya dapat membantu meningkatkan ekonomi dan kebajikan umat Islam. Walau bagaimanapun, terdapat ruang dan peluang yang boleh ditambah baik bagi memastikan peranan agensi-agensi ini terus dipertingkatkan dari segi tadbir urus, penyelarasan strategi dan tindakan memperkasa ekonomi dan kebajikan ummat di Malaysia.

RUJUKAN

- Anisah Nasib, 2017, Konsep dan Pelaksanaan Upah Simpan Dalam Skim Ar-Rahnu di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Sarjana Sastera (Syariah), Universiti Pendidikan Sutan Idris.
- Asmak Ab Rahman, 2009, Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Shariah Journal*, 17(1): 113-152
- Azila Abdul Razak et al, 2013, Peranan Institusi Pajak Gadai Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi, *Prosiding PERKEM*, 8(3): 1352-1363
- Azila Abdul Razak et al, 2014, Kemapanan Dan Daya Saing Pajak Gadai Islam di Malaysia: Perspektif Perintis, *IJMS*, 21(2): 111-134.
- Bernama, YaPEIM peruntuk RM5.17 juta sumbang makanan kepada golongan B40 seluruh negara.
- Eton Khir, MAIWP peruntuk RM3 juta bantu asnaf dan usahawan depan pandemic. *Astro Awani*,
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/maiwp-peruntuk-rm3-juta-bantu-asnaf-dan-usahawan-depani-pandemik-331165>
- Farhana Mohamad Suhaimi et al, 2021, Peranan Wakaf dalam Pembangunan Sosioekonomi: Analisis ke atas Projek Bazar Wakaf Rakyat Terpilih, *Islamiyyat*, 43(Isu Khas): 115-127.
- Joni Tamkin Borhan et al, 2005, *Jurnal Al-Tamaddun*, 1: 215-234
- Laman Web Rasmi Lembaga Tabung Haji,
<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/pelaburan/maklumat-am/pelaburan>
- Laman Web Rasmi Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, <https://www.ytwp.com.my/>
- Laman Web Rasmi Yayasan Waqaf Malaysia (YWM),
<https://www.ywm.gov.my/kenali-kami#profil>
- Laman Web Rasmi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM),
<https://www.yapeim.my/>
- Laporan Yayasan Waqaf Malaysia, 2021
- Latar Belakang Tabung Haji (TH), 2018, *BHarian*,
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/507417/latar-belakang-tabung-haji-th>
- Malik Ridhwan, 2018, Sejarah Penubuhan Lembaga Tabung Haji dan Yayasan Tabung Haji, *Astroawani*,
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sejarah-penubuhan-lembaga-tabung-haji-i-dan-yayasan-tabung-haji-193174>
- Sanep Ahmad et al, 2011, Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia, 6(1): 138-147
- Soal Jawab Ekonomi Islam, 2015, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- Wan Naimah Wan Daud et al, 2021, Prospek Produk Baharu YaPEIM Sebagai Alternatif Mikro Kredit, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39): 86-94.